



WARGA KOTA mengunjungi Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman bagi membuat persiapan menyambut hari raya. Gambar kecil, anggota polis trafik bertugas mengawal lalu-lintas bagi mengelak kesesakan.

Kuala Lumpur

(25 April 2022) - HM, P8

Sejumlah 210,000 pengunjung direkodkan membeli-belah di Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) 2022 untuk persiapan hari raya sejak bazar itu beroperasi pada 9 April lalu sehingga kelmarin.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, jumlah pengunjung harian tertinggi direkodkan pula adalah pada Ahad, 17 April lalu iaitu seramai 21,600 orang.

"Selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka, pengunjung dinasihati sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan terutama mereka yang membawa kanak-kanak.

Rekod harian tertinggi adalah 21,600 pengunjung

"Saya nasihatkan pengunjung yang mahu datang supaya menggunakan pengangkutan awam seperti bas atau Transit Aliran Ringan (LRT) untuk mudah bergerak tanpa perlu membuang masa mencari tempat letak kereta yang kurang," katanya

dalam satu video dimuat naik dalam Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mahadi turut memaklumkan 420 anggota penguat kuasa termasuk DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan

Imigresen Malaysia ditugaskan melakukan pemantauan keselamatan di bazar itu selain memastikan aliran trafik lancar.

Bazar Aidilfitri Lorong TAR 2022 beroperasi sehingga 2 Mei ini membatik 206 petak khemah dengan waktu operasi dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam kecuali pada Jumaat, Sabtu dan Ahad hingga jam 2 pagi.

420 penguat kuasa DBKL, PDRM, Rela, imigresen ditugaskan memantau keselamatan